



**Jabatan Tenaga Manusia
Kementerian Sumber Manusia**

**PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR
ADTEC KULIM
SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*)
SESI JULAI 2/2021**



**BAHAGIAN PENGURUSAN PELAJAR & LATIHAN
PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) KULIM
JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
LOT 635, JALAN MAHANG, 09700 KARANGAN, KULIM, KEDAH
TEL: 04-404 2975 samb. 167/142 FAKS: 04-404 2971**

*"Sayang kumbang mencari makan,
Terbang seiring di tepi kali;
Selamat datang kami ucapkan,
Moga diiring restu Ilahi"*

**GARIS PANDUAN PENDAFTARAN SECARA ATAS TALIAN BAGI PELAJAR
BAHARU KE ILJTM SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
DIPERKETAT 3.0 (PKP) COVID-19
ADTEC KULIM**

TUJUAN

- Panduan Pendaftaran Kemasukan Secara Atas Talian ini disediakan bagi membantu Para Pelajar Baharu mendaftar kemasukan dalam situasi norma baharu.
- **PERHATIAN:** Sila baca dengan teliti Panduan Pendaftaran ini supaya tindakan sewajarnya diambil **SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS** Hari Pendaftaran Secara Atas Talian supaya pendaftaran dan pengajian anda di **ADTEC KULIM** berjalan lancar.

1. JUMLAH BAYARAN TAKAFUL BEREKELOMPOK PELAJAR BAHARU

BIL	PERKARA	BAYARAN (RM)	PENERANGAN
1.	Insurans	30.00 setahun	Bagi memastikan pelajar ILJTM dilindungi 24 jam sehari di seluruh dunia.

Bayaran Insurans hendaklah dibayar dalam bentuk **Kiriman Wang (Money Order)** / **Bank draf** atas nama **PENGARAH ADTEC KULIM**. No. Kiriman Wang / Bank Draf perlu dinyatakan semasa pendaftaran secara atas talian pada 26 Julai 2021.

a) **Kiriman Wang (Money Order)** perlu dibuat di pejabat pos; atau

1. CONTOH KIRIMAN WANG/MONEY ORDER SAMPLE

POS MALAYSIA BERHAD (228990-M)
KIRIMAN WANG

NOMOR STOK
c 955195

Nombor Rujukan / Reference Number

JENIS PELAJAR	FAKSI	NOMOR STOK
IC 11000	13972030	955195-20

NAMA PENERIMA:
PENGARAH ADTEC KULIM

NILAI:
RM30.00
TIGA PULUH SAHAJA

ZAFINA
Pegawai Penerima

b) Bank draf perlu dibuat di bank

3. CONTOH BANK DRAF/BANK DRAFT SAMPLE

AFFINBANK
Seberang Jaya, Penang

Terlah
Date: 0 5 0 6 1 0

Alia Puteh
Or Date: RM30.00

Pengarah
Pay: PENGARAH ADTEC KULIM

Panggil
Malaysia: TIGA PULUH SAHAJA

BANKER'S CHEQUE
0686210000640

for AFFIN BANK BERHAD

Authorized Signature(s)

1*6632291*

Nombor Rujukan /
Reference Number

2. PROSEDUR HARI PENDAFTARAN

2.1 SEBELUM

Pelajar baharu diminta untuk memuat turun (*download*) dan mencetak borang-borang yang diperlukan daripada untuk pendaftaran seperti berikut :

- a) Borang Pendaftaran Pelajar
- b) Borang Maklumat Iubapa Penjaga
- c) Borang Maklumat Pelajar TMS
- d) Borang Pemeriksaan Perubatan
- e) Borang Permohonan Pinjaman PTPK
- f) Borang Keahlian Perpustakaan

Daripada laman sesawang melalui pautan berikut :

<http://www.adteckulim.gov.my/2017/index.php/ms/arkib-hebahan/1757-panduan-pendaftaran-adtec-kulim-sesi-2-20>

- i. Bagi pelajar baharu yang ingin memohon pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), anda perlu membuka akaun CIMB *Conventional / Islamic* dan lengkapkan borang permohonan pinjaman PTPK. Semua dokumen sokongan yang diminta dalam senarai semak permohonan PTPK perlu **disahkan**.

- ii. Pelajar baharu perlu melakukan **pemeriksaan kesihatan** di Klinik Kesihatan Kerajaan atau Swasta. Sila muat turun Borang Pemeriksaan Kesihatan Pelajar yang disediakan. Perlu **lengkap diisi oleh Pegawai Perubatan (kerajaan/swasta yang bertauliah)** – Filem X-Ray tidak perlu disertakan.
- iii. Bagi pelajar baharu Orang Kelainan Upaya (OKU), yuran pengajian adalah percuma dan akan diberikan elaun sara hidup RM 300 sebulan. Pelajar perlu mengemukakan Salinan Kad OKU dan Salinan Muka Hadapan Akaun Simpanan (salinan muka hadapan perlu mempunyai maklumat nama pemilik akaun, nombor akaun simpanan dan lain-lain yang berkaitan).
- iv. Sila sediakan dokumen seperti berikut :

BIL	PERKARA	KUANTITI
1	Salinan Keputusan SKM 3 / Borang JPK/T1003 (bagi lepasan SKM 3 sahaja)	1
2	Salinan Sijil Kelahiran	1
3	Salinan Kad Pengenalan	2
4	Salinan Kad Pengenalan Waris (ibu dan bapa)	1
5	Gambar berukuran pasport (50mm x 35mm)	4 keping

- v. Semua borang dan dokumen di atas yang telah lengkap perlu dihantar secara pos laju / pos berdaftar ke alamat berikut **sebelum 15 Ogos 2021** :-

PENGARAH

Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kulim
 Lot 635 Jalan Mahang,
 09700 Karangan
 Kedah Darul Aman
 (u.p.: Bahagian Pengurusan Pelajar dan Latihan)
 Tel : 044042975 , Fax :040402972

2.2 SEMASA

- i. Para Pelajar boleh mula mendaftar kemasukan ke ILJTM secara atas talian bermula **Pada 26 Julai 2021, Sesi pendaftaran ini dibuka pada jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang. Berikut ialah link pendaftaran: <http://apps2.jtm.gov.my/online/pendaftaran>**
- ii. Sila pastikan **segala butiran diri pelajar dan maklumat lain** yang disenaraikan dalam link pendaftaran **MESTI** dilengkapi. Contoh maklumat yang perlu diisi ialah seperti **Nombor Rujukan Kiriman Wang / Bank draf dan lain-lain maklumat yang dipaparkan di sistem pendaftaran.**
- iii. Sebarang pertanyaan berkaitan pendaftaran atas talian, sila hubungi alamat seperti di bawah:

Bahagian Pengurusan Pelajar dan Latihan
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kulim
Lot 635 Jalan Mahang,
09700 Karangan
Kedah Darul Aman
Tel : 044042975 , Fax :040402972

2.3 SELEPAS

- i. Kelas Teori akan dijalankan secara Atas Talian atau Secara Fizikal bermula **20 September 2021 sehingga diberitahu.** Adalah diingatkan bahawa kehadiran pelajar semasa Kelas Secara Atas Talian atau Secara Fizikal ini adalah **wajib** dan kehadiran akan diambil. **Calon yang tidak mempunyai capaian internet boleh hubungi <http://www.wasap.my/60125291712>**
- ii. Adalah dimaklumkan, Bayaran bagi Keperluan dan Aktiviti Pelajar Sepanjang Tempoh Latihan akan dimuat naik dalam **Panduan Kemasukan Secara Fizikal ke ILJTM** selepas tamat tempoh pembelajaran secara atas talian ini. Pemberitahuan berkaitan ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Nota: Panduan Kemasukan Secara Fizikal ke Institut akan dimuat naik pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

SENARAI SEMAK PENDAFTARAN SECARA ATAS TALIAN ADTEC KULIM

Bil	Perkara	Tindakan Calon Pelajar	Sudah/Belum
Sebelum			
1	Pemeriksaan Kesihatan	- Lakukan pemeriksaan kesihatan di hospital/klinik kerajaan atau swasta	
		- Laporan Kesihatan yang telah disahkan oleh doktor perlu diimbas /scan	
2	Borang permohonan PTPK.	- Muat turun borang yang diemel atau di http://www.adteckulim.gov.my/2017/index.php/ms/ar-kib-hebahan/1757-panduan-pendaftaran-adtec-kulim-sesi-2-20 dan cetak dokumen	
		- lengkapkan dokumen dengan jelas	
		- Buka akaun CIMB di mana-mana cawangan CIMB (jika belum ada)	
		- Lengkapkan dokumen sokongan yang diperlukan merujuk senarai semak permohonan PTPK	
3	Bayaran Insuran Berkelompok	- Bayaran Insurans hendaklah dibayar dalam bentuk Kiriman Wang (Money Order) / Bank draf atas nama PENGARAH ADTEC KULIM - No Kiriman Wang/ Bank Draf :	
4	Borang Pendaftaran	- Muat turun borang yang diemel atau di http://www.adteckulim.gov.my/2017/index.php/ms/ar-kib-hebahan/1757-panduan-pendaftaran-adtec-kulim-sesi-2-20 dan cetak dokumen berikut:	
		- Borang Pendaftaran Pelajar - Borang Maklumat Iubapa / Penjaga - Borang Maklumat Pelajar TMS - Lengkapkan borang dengan jelas	
5	Gambar Berukuran Pasport	- Sediakan gambar dalam bentuk <i>softcopy</i>	
Semasa			
6	26 Julai 2021	- Pendaftaran secara atas talian di http://apps2.jtm.gov.my/online/pendaftaran	
		- Muat naik (<i>upload</i>) gambar berukuran pasport	
Selepas			
7	20 September 2021	- Kelas secara dalam talian atau fizikal bermula (sehingga diberitahu kemudian)	